



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **KUTIPAN DATA KAJIAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL KETIGA (IPNAS KE-3) BERMULA 28 APRIL 2025 DI SELURUH NEGARA**

---

**JITRA, 19 April** – Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan melaksanakan kutipan data di lapangan bagi **Kajian Indeks Perpaduan Nasional Ketiga (IPNas Ke-3)** bermula **28 April 2025 di seluruh negara**. Perkara ini diumumkan oleh YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara sempena majlis perasmian Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Negeri Kedah di Dataran Darulaman.

IPNAS merupakan **satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang digunakan oleh kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia**.

YBhg. Datuk Haji Ruji dalam ucapannya berkata, “**proses kutipan data ini akan dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan Borang Soal Selidik dari rumah ke rumah berdasarkan kepada peta Blok Perhitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).** Justeru, KPN berharap agar rakyat Malaysia dapat memberikan sepenuh kerjasama kepada para penyelidik di lapangan bagi mendapatkan data berkaitan kajian ini.”

Berdasarkan kepada dapatan kajian, skor IPNas pada tahun 2028 ialah sebanyak 0.576 manakala skor IPNas pada tahun 2022 ialah 0.629. KPN menasarkan **skor 0.7** pada tahun ini.

Sementara itu, Negeri Kedah merupakan negeri kedua lokasi Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) diadakan selepas majlis *kick-off* diadakan di

Negeri Melaka pada 4 hingga 5 April yang lalu. **Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai lokasi perasmian SMP peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 16 hingga 20 Julai 2025 nanti.**

Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) merupakan program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang bertujuan untuk **menyemarakkan semangat perpaduan dan serta menyebarluas pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan terhadap kepelbagaiannya adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia seiring dengan aspirasi dan nilai MADANI iaitu Hormat.**

Sambutan SMP di Negeri Kedah diserikan dengan pelbagai pengisian menarik untuk seisi keluarga seperti pameran Rumah KAMI (rumah etnik), jualan FoodUnites, Karnival Sukan Rakyat, Fun Walk Baju Tradisi, Bicara Perpaduan, Persembahan Silang Budaya, Karnival Ekonomi KRT, Tayangan Wayang Pacak, Pameran Wajah-Wajah Perpaduan serta pameran daripada jabatan dan agensi Kerajaan bermula dari **17 April 2025 hingga 19 April 2025.**

Terdahulu pada sebelah pagi, YBhg. Datuk Haji Ruji telah merasmikan **Program Jejak Harmoni Bersama Warga Emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Alor Setar.** Program Jejak Harmoni merupakan satu daripada usaha KPN untuk menyebarkan mesej keharmonian antara rakyat berbilang bangsa dan agama ke arah memperkuuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara. Dalam majlis ini, YBhg. Datuk Haji Ruji turut menyampaikan Bakul Harmoni kepada 30 warga emas.

**Kementerian Perpaduan Negara**

19 April 2025

KPN.100-9/1/16 (27)